

**200 Peniaga Kecil Parlimen Pekan Terima Bantuan Peralatan 1AZAM
Bernama
28 Jun, 2012**

PEKAN, 28 Jun (Bernama) -- Seramai 200 peniaga kecil di daerah Pekan menerima pelbagai barangan bagi memulakan perniagaan dengan nilai keseluruhan RM1 juta di bawah program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Karisma) 1Azam, di sini, Khamis.

Majlis penyampaian peralatan 1Azam Niaga Parlimen Pekan itu diadakan di perkarangan kediaman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang disempurnakan oleh Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Mohd Poad Jelani.

Mohd Poad dalam ucapannya berharap penerima memanfaatkan bantuan berkenaan dengan mengembangkan perusahaan mereka melangkaui daerah Pekan dan seterusnya negeri Pahang.

Katanya, banyak produk yang diusahakan usahawan kecil di daerah ini berpotensi besar untuk menembusi pasaran di negeri lain seperti kuih bakar, puding raja dan murtabak mengkasar.

"Saya berharap bantuan peralatan yang diberikan dapat membantu meningkatkan taraf hidup kerana penggunaan mesin akan membolehkan mereka menambah jumlah pengeluaran sekaligus menambahkan pendapatan," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676626>